## KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
## TARIKH: 20 JULAI 2016 (RABU)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Taburan hujan jadi penyumbang | Utusan Malaysia |
| 2. | Nafi amaran tsunami | Harian Metro |
| 3. | Ribut petir, hujan lebat di utara Semenanjung | Kosmo |
| 4. | Penang bracing for monsoon | The Star |

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14**
**TARIKH: 20 JULAI 2016 (RABU)**

# Taburan hujan jadi penyumbang

**KUALA LUMPUR 19 Julai** - Kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di Pulau Pinang sejak petang semalam adalah diakibatkan oleh taburan hujan luar biasa.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, jumlah taburan hujan yang direkodkan Pejabat Meteorologi Malaysia di Bayan Lepas, Pulau Pinang menunjukkan hujan diterima untuk semalam sahaja adalah sebanyak 131 milimeter (mm).

"Jumlah untuk satu hari semalam sahaja sudah merangkumi 66 peratus daripada 199mm purata jumlah hujan bulanan bagi Julai.

"Keadaan cuaca sebegini dijangka beransur kurang mulai esok. Walau bagaimanapun, hujan di beberapa tempat masih boleh berlaku di seluruh negara terutama pada lewat petang dan senja selepas tarikh tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, beberapa kawasan di Pulau Pinang dan Kedah dinaiki air dan sehingga petang ini, berlaku banjir kilat di kawasan yang terlibat.

**KERATAN AKHBAR**
**HARIAN METRO (RANGKUMAN) : MUKA SURAT 28**
**TARIKH: 20 JULAI 2016 (RABU)**

# Nafi amaran tsunami

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menafikan penyebaran amaran tsunami bakal melanda beberapa negeri dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Menterinya Datuk Seri Madius Tangau berkata, khabar angin yang tersebar di media sosial dan aplikasi WhatsApp itu menyatakan MetMalaysia mengeluarkan amaran tsunami di Pulau Pinang dan Kedah serta amaran tsunami dalam tempoh 36 jam di Pantai Timur Sabah dan ribut kuat di Labuan, Sabah serta amaran banjir besar di Pahang.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) MUKA SURAT 18
TARIKH: 20 JULAI 2016 (RABU)

# Ribut petir, hujan lebat di utara Semenanjung

**KUALA LUMPUR** - Ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang di Perlis dan Pulau Pinang serta beberapa daerah di Kedah dan Perak dijangka berterusan sehingga lewat pagi semalam.

Jabatan Meteorologi dalam laman webnya semalam berkata, antara daerah yang terlibat di Kedah ialah Langkawi, Kubang Pasu, Pokok Sena, Kota Setar, Yan, Pendang, Kuala Muda, Baling serta Kulim dan Bandar Baharu.

Di Perak, ia melibatkan Kerian, Larut, Matang dan Selama, Manjung, Perak Tengah dan Hilir Perak.

Semalam, beberapa kawasan rendah di Pulau Pinang termasuk Bayan Lepas, Batu Maung, Relau dan Teluk Bahang serta Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dinaiki air berikutan hujan lebat yang berterusan.

Jabatan Pertahanan Awam Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dalam kenyataan semalam berkata, setakat 6.15 pagi semalam, 30 mangsa banjir daripada 13 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan..

**KERATAN AKHBAR**
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 12**
**TARIKH: 20 JULAI 2016 (RABU)**

# Penang bracing for monsoon

## JKR says it is wary now after heavy rain drenched the state

**GEORGE TOWN:** The sun was shining again but after being hit with 250mm of rainfall within hours, state authorities know that the monsoon was here in full swing.

State Public Works Department (JKR) Salleh Awang said it was wary now after heavy rain drenched the state from Monday to yesterday morning.

Over 20 JKR officers were on the field since yesterday afternoon, he said, checking on the integrity of slopes and roads.

Some boulders crashed down from uphill at dawn in Jalan Tun Sardon, the road to Balik Pulau town, and the department was paying attention to that slope.

"We had many calls and tweets from locals and we reacted quickly," he said, adding that Penangites can call JKR at 04-2898888 or look up its Twitter account, JKRPulau Pinang.

The Meteorological Department's latest forecast only shows isolated thunderstorms for Penang with clear skies for tomorrow and next Monday.

Chief Minister Lim Guan Eng visited the evacuation centre in Teluk Bahang to give flood relief contributions. Ten families of about 30 people were taken to the evacuation centre. All returned home by 3pm yesterday.



**Wet, wet times:** Two villagers walking in the middle of flood water at Kampung Teroi Bukit in Yan, Kedah.

Statewide, 65 people from 26 families were evacuated and by 4.50pm, only the Teluk Kumbar flood relief centre remained open.

It was also a miserable time for about 600 dogs at the Penang Animal Welfare Society when floodwaters were waist-high at the sanctuary in Teluk Bahang.

The kennels were submerged and the dogs were quickly placed in the shelter's buildings.

The storm winds of over 50km an hour forced pilots to circle Penang airport for over an hour while waiting for the gales to abate on Monday.

Many passengers pulled out the airsick bags and Star Media Group regional operations general manager (north) Simone Liong, who was on such a flight, said the plane shook as it circled round the island.

Her 8.55pm flight from Subang was delayed until 10.40pm.

"We circled for maybe 10 times. During the landing, everyone was tense," she said, adding that the plane only touched down at 1am yesterday.

When contacted, an airline representative gave an assurance that all pilots were well trained to face storms.

"Every plane has enough fuel to reach the next airport in an emergency. For Penang, it will be Langkawi. When there is only enough fuel to reach Langkawi, the pilot will head there, refuel, and return to Penang," he said.

Meanwhile, AirAsia Penang head Kenneth Tan called on Penang airport to compensate airlines or refund airport charges to passengers after the flooding on Monday.

In Kedah, 420 victims were taken to 10 flood relief centres in Baling, Kuala Muda and Yan.

Water was almost a metre high and Yan victims said it was their worst in 10 years.